

KEHADIRAN PALEOSOL DI DALAM JUJUKAN SEDIMEN KEBENUAN DI NENERING SERTA IMPLIKASI IKLIM KUNO

CHE AZIZ ALI, AHMAD JANTAN, IBRAHIM ABDULLAH & JUHARI MAT AKHIR

Jabatan Geologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

Lapisan Nenering merupakan batuan sedimen termuda yang tersingkap di kawasan Pengkalan Hulu, Grik. Sebaran sedimen dan sedimentologi jelas menunjukkan sedimennya telah diendapkan oleh sistem aluvium di dalam lembangan bendungan sesar yang berarah utara selatan. Sedimennya telah diterbitkan dari batuan sekitar yang lebih tua (Kumpulan Baling) dan diangkut ke dalam lembangan menuruni tebing-tebing sesar. Sebaran fasies secara menyisi jelas menunjukkan kehadiran sedimen konglomerat di bahagian pinggir lembangan dan fasies berubah secara beransur kepada batu pasir dan lodak ke bahagian paksi lembangan. Organisasi fasies menegak jelas menunjukkan bahawa aliran sedimen tercair dan sungai-sungai efemeral merupakan mekanisme pengangkut yang utama.

Kewujudan aliran yang tidak malar di dalam sistem aluvium tersebut telah mendorong pembentukan beberapa ufuk tanah. Disebabkan usianya yang secara relatif muda membolehkan kesemua fitur dan profil tersebut terawet dengan baik dan telah dikenalpasti. Kajian terhadap sampel-sampel paleosol menunjukkan hubungan petrografi dan geokimia yang baik. Empat zon utama di dalam profil paleosol telah dikenalpasti dengan menggunakan kaedah pencirian petrografi dan geokimia tersebut.

Warta Geologi, Vol. 20, No. 3, May-Jun 1994

Kehadiran kalkret pedogenik di dalam paleosol tersebut dikaitkan dengan fasa iklim lebih kering berbanding dengan masa sekarang.
